

# Mantan MPP UniMAP Terima Anugerah Nadi Negara 2013



Mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Muhammad Khairuddien bin Sulaiman telah menerima Anugerah Nadi Negara 2013 yang disampaikan oleh Isteri Perdana Menteri, YABhg. Datin Seri Rosmah Mansor di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.

Penganugerahan tersebut merupakan pengiktirafan yang sangat berprestij dengan mengambil kira para graduan yang cemerlang dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan aktif sepanjang tempoh pengajian mereka. Bagi Khairuddien, 24, ini merupakan pencapaian tertinggi yang pernah diperolehi dan terharu dengan anugerah yang diberikan ini. Beliau sebelum ini merupakan graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, UniMAP.